# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 12 MAC 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3. | RONALD KIANDEE MULAKAN TUGAS RASMI, SH -ONLINE<br>JAM 2020 UNTUK MEMBERI KEUTAMAAN DAN PENEKANAN BANGUNKAN AGROPRENEUR MUDA, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10<br>HAQIEM IKON TANI, HIP, BH -50 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 4.<br>5. | MAQIS RAMPAS 70 EKOR UDANG KARA DI KLIA2, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -30<br>MAQIS FOILS ATTEMPT TO SMUGGLE IN 70 LOBSTERS, NEWS, NST -11 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 6.<br>7.<br><br>8.<br>9. | TURTLE FOUND DEAD ON BEACH IN PD, NEWS, NST -11<br>PENYU BERUSIA LEBIH 40 TAHUN DITENUI MATI, SINAR NEGERI P.PINANG/PERLIS, SH -23<br>TURTLE FOUND DEAD ON BEACH IN PD, LOCAL NEWS, NST -11<br>100KG TURTLE FOUND DEAD IN TELUK KEMANG, NATION, THE STAR -14 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 10. | BISNES PETAI JERUK, PENUHI PERMINTAAN 40 KEDAI SEKITAR PAHANG, NEWS, RASA, -110,111 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/3/2020 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Ronald Kiandee mulakan tugas rasmi



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee memulakan tugas rasminya di Putrajaya hari ini.

PUTRAJAYA - Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee memulakan tugas rasminya di Putrajaya hari ini.

Ketibaan beliau disertai dua timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Datuk Che Abdullah Mat Nawi yang turut memulakan tugas rasmi mereka hari ini.

Mereka disambut oleh Timbalan Ketua Setiausaha Dasar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Haslina Abdul Hamid dan Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan MOA, Dr Anis Mahmud serta pegawai-pegawai kanan kementerian.

Selepas menerima kad perakam waktu untuk diimbas sebagai tanda memulakan tugas, mereka diberikan taklimat oleh Haslina dan Anis.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | JAM 2020 untuk memberi keutamaan dan penekanan bangunkan Agropreneur Muda | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 12 Mar 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,000 |

# JAM 2020 untuk memberi keutamaan dan penekanan bangunkan Agropreneur Muda

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) telah melancarkan Program Jelajah Agropreneur Muda (JAM) 2020 untuk memberikan keutamaan dan penekanan bagi membangunkan golongan Agopreneur Muda.
Timbalan Ketua Setiausahanya, Datuk Haslina Abd...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/3/2020 | BERITA HARIAN | HIP | 50 |



**Misi Haqiem**

- JAM 2020 akan menjelajah ke lima zon di seluruh negara bermula esok.
- Kemuncak adalah pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) 2020, November depan.
- Antara program dirancang sesi 'walkabout' projek angropreneur muda, kursus dan latihan, Karnival My Best Buy, sesi Teh Tarik dan infotainment Ikon Selebriti JAM 2020.

BHTV



*Mungkin selepas ini Haqiem bakal menjadi salah seorang agropreneur muda berjaya.*

*Haslina Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar MOA*

# Haqiem ikon tani

## MOA lantik penyanyi Lembah Kesepian bantu kempen ajak anak muda berbudi kepada tanah

Oleh Serimah Mohd Sallehuddin
bhhip@bh.com.my

**Bagi** menarik minat generasi muda menceburi bidang pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) melantik penyanyi Haqiem Rusli sebagai Ikon Selebriti Jelajah Agropreneur Muda (JAM) 2020.

Dengan pembabitan artis, objektif utama JAM 2020 mendekati lebih ramai anak muda melalui pendekatan turun padang yang lebih santai, akan tercapai.

Haqiem yang dilantik Ikon Selebriti JAM 2020 mengaku berminat dalam bidang pertanian.

Penyanyi *Lembah Kesepian* ini sudah lama menyimpan hasrat memiliki kolam ikan tilapia tetapi tidak tahu cara untuk merealisasikan projek itu.

Selain itu, kekangan masa akibat komitmen kepada dunia muzik menyebabkan hasrat memiliki kolam ternakan ikan terpaksa ditangguhkan seketika.

"Keluarga saya berasal dari Hulu Langat. Aktiviti pertanian bukan sesuatu yang asing buat kami.

"Sejak kecil saya memasang impian membuka kolam ikan. Saya suka memancing ikan dan udang. Tetapi, selama ini, saya tidak tahu kerajaan menyediakan pembiayaan untuk anak muda menceburi bidang ini," katanya pada sidang media di ibu pejabat MOA, Putrajaya, kelmarin.

Haqiem berkata, selepas dilantik Ikon Selebriti JAM 2020, barulah dia tahu kerajaan bukan sahaja menyediakan bantuan dana, malah kelas bimbingan percuma.

"Saya menggalakkan anak muda yang meminati bidang pertanian meluangkan masa menyertai siri jelajah yang bakal diadakan di beberapa negeri.

"Banyak maklumat mengenai Program Agropreneur Muda disediakan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar MOA, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata pemilihan Haqiem sebagai Ikon Selebriti JAM dapat menarik generasi muda untuk menceburi bidang pertanian dan industri makanan.

*Haqiem (tengah) sedia menjelajah seluruh negara untuk mempromosikan JAM 2020.*



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/3/2020 | SINAR HARIAN | MAHKAMAH & JENAYAH | 30 |

# Maqis rampas 70 ekor udang kara di KLIA2

**SEPANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas sebanyak 70 ekor udang kara yang dibawa masuk dari Indonesia tanpa sebarang dokumen sah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) kelmarin.

Maqis dalam satu kenyataan semalam berkata, hasil kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia, pihaknya merampas 70 ekor udang kara terbabit daripada seorang warga tempatan ketika melalui laluan penumpang.

"Hasil daripada pemeriksaan tersebut mendapati terdapat udang kara sebanyak 70 ekor di dalam kotak gabus.

"Maqis mendapati individu itu tidak mengemukakan dokumen sah seperti Import Permit dan Sijil Kesihatan dari negara asal," katanya.

Menurutnya, individu tersebut membawa masuk udang kara itu adalah untuk kegunaan sendiri.

"Perbuatan mengimport udang kara tanpa mempunyai permit yang sah daripada Maqis adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya.



**Maqis dan Kastam merampas 70 ekor udang kara di KLIA2 kelmarin.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/3/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI PERAK | 24 |

# Maqis Perak rampas keluaran pertanian

**PENGKALAN HULU** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Perak merampas keluaran pertanian yang cuba dibawa masuk dari Thailand tanpa permit bernilai RM1,500 di Kompleks Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Pengkalan Hulu di sini semalam.



Penyapu buluh adalah sebahagian hasil pertanian yang dirampas oleh Maqis di Pengkalan Hulu semalam.

Pengarahnya, Rozita Superman berkata, dagangan tersebut adalah 100 penyapu buluh, 65 kilogram (kg) ubi kemili, 20kg pisang emas dan enam anak pokok durian jenis musang king.

"Hasil pemeriksaan di laluan awam mendapati dagangan tersebut dijumpai dalam but pada buah kenderaan yang berlainan dari Thailand.

"Pemeriksaan lanjut mendapati kesemua dagangan tersebut tidak mempunyai sebarang permit import yang dikeluarkan oleh Jabatan Maqis dan sijil fitosanitasi dari negara asal," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurutnya, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit sah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Jika dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta sama, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara enam tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

"Maqis sentiasa komited dalam menjalankan pemeriksaan di semua pintu masuk negara bagi memastikan komoditi keluaran pertanian sentiasa mematuhi syarat-syarat serta peraturan yang ditetapkan kerajaan," katanya.

Rozita berkata, penguatkuasaan itu adalah bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian yang masuk ke negara ini adalah terkawal dan bebas dari sebarang ancaman perosak, penyakit serta bahan cemar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/3/2020 | NST | NEWS | 11 |

## Maqis foils attempt to smuggle in 70 lobsters

**KUALA LUMPUR:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) foiled an attempt to smuggle in 70 lobsters from Indonesia. Maqis, in collaboration with the Customs Department, seized the lobsters from a local while he was trying to pass through the Passenger Route at Kuala Lumpur International Airport 2 (Klia2), Sepang, near here. In a statement, Maqis said the man claimed the lobsters were for his own consumption, but he failed to produce a valid import permit and health certificate from the country of origin. "The lobsters were seized pending further action," the statement read.

## Cops seek 2 suspects over armed robbery

**ISKANDAR PUTERI:** Police are on the hunt for two suspects in an armed robbery case in the city centre here on Tuesday. Iskandar Puteri police chief Assistant Commissioner Dzulkhairi Mukhtar said the men, in their 30s, wore jackets, black pants, hats and masks. He said preliminary investigations revealed that at 12.30pm on Tuesday, a 55-year-old woman went to a bank in the city to exchange S$60,000 for RM182,000. "As she was returning to her shop in Taman Nusa Bestari 2 here, at 1.19pm, a Toyota car stopped at her side and two men armed with machetes seized her sling bag. The suspects fled, while the victim was left unharmed." Dzulkhairi said video footage from the victim's in-car camera showed that the suspects used fake licence plates as the registration number belonged to a Mazda.

## Heavy rain triggers flash floods in George Town

**GEORGE TOWN:** Flash floods inundated several areas here following heavy rain since 5am yesterday. State Welfare, Caring Society and Environment Committee chairman Phee Boon Poh said among the areas affected were Jalan Tanjong Tokong Lama and Jalan Tanjung Bunga, heading towards Batu Feringghi. He said up to 8.10am, light vehicles could not pass through the roads. "A fallen tree crashed into a Toyota Vios in Jalan Lembah Permai Tanjung Bungah and damaged its front and rear. The driver, 22, escaped injuries," he said here yesterday. Phee said the routes were inaccessible to all vehicles due to fallen electrical wires belonging to Tenaga Nasional Berhad (TNB). "It is understood that TNB has been alerted on this. Two police officers are monitoring traffic at the location," he added.



*Tang Gaa Xin (left) and Che Kumar Ammar Zaqwan Ab Hamid need heart surgeries.* PIC BY MUSTAFFA KAMAL

# 2 babies with heart ailments need funds for surgeries

AIDIL RAZAK
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

THE parents of two infants suffering from heart ailments are appealing for donations.

Two-month-old Tang Gaa Xin and 3-month-old Che Kumar Ammar Zaqwan Ab Hamid need RM80,000 and RM60,000, respectively for surgeries.

The first baby's father, Tang Yong Chai, 31, said his son was diagnosed with interrupted aortic arch, or abnormal blood vessel, and ventricular septal defect (VSD), commonly known as a hole in the heart.

"When Gaa Xin was 25 days old, he couldn't stop crying, and his lips and nails turned pale. I rushed him to the hospital and doctors detected a 1cm and 0.5cm hole in the wall of his heart. He underwent two surgeries," said Tang, who helps in the family's baking business.

His son, the youngest of three siblings was later referred to Gleneagles Kuala Lumpur and needs to undergo surgery to save his life.

Che Kumar suffers from transposition of great arteries, in which two major vessels switched places. He needs surgery to place those vessels to their pumping chambers.

His father, Ab Hamid Salleh, 49, said a doctor diagnosed his son with the condition after he was sick when at 2 months old.

"My son cried nonstop and became weak. He vomited after my wife breastfed him. The next day, I went to the hospital and the doctor said my son was in critical condition. He had to undergo surgery right away. But that minor surgery failed and my son needs to undergo open-heart surgery at Gleneagles."

Ab Hamid, who works as a lorry driver, said they could not afford his son's operation with the family's monthly income of RM1,200.

Those who wish to donate can send cheques made payable to the Media Prima-NSTP Humanitarian Fund with the patient's name written on the reverse side of the cheque and addressed to: Group Corporate Communications Department, Media Prima Bhd, Level 3, Anjung Liku, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

The public may also send their donations to Maybank account number 5141-0532-3170.

# Turtle found dead on beach in PD

**SEREMBAN:** A 100kg sea turtle (*penyu agar*) was found dead on Teluk Kemang beach, Port Dickson, near here, on Tuesday.

Negri Sembilan Fisheries Department director Halimi Abu Hanip said the carcass of the male turtle, believed to be 40 years old, was found by the public about 5pm before alerting the department.

"Further examination revealed there was no trace of injury on the body.

"The turtle was believed to have died in the sea a few days ago and was swept to the beach by the tide," he said here yesterday.

Halimi urged anyone who discovered dead or injured turtles to contact the Fisheries Department at 06-6472050 or 06-6621089, or send a message to the Negri Sembilan Fisheries Facebook account.

"The endangered marine reptiles exist in small populations in Negri Sembilan. The public is therefore advised not to disturb the turtles, especially if they appear on the beach to lay eggs.

"We also advise people not to poach these eggs. The offence is punishable under the Negri Sembilan (Turtles and Turtle Eggs) Rules 1976 and the Fisheries Act 1985, which carries a maximum fine of RM20,000, or a maximum jail term of two years, or both."



*People moving the carcass of a green sea turtle on Teluk Kemang Beach in Port Dickson on Tuesday.* BERNAMA PIC

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/3/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI P.PINANG/ PERLIS | 23 |

# Penyu berusia lebih 40 tahun ditemui mati

**PORT DICKSON -** Seekor penyu spesis agar ditemui mati di pantai Teluk Kemang, Port Dickson pagi semalam.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, penyu jantan seberat lebih 100 kilogram yang dianggarkan berusia lebih 40 tahun itu ditemui oleh orang awam.

"Kakitangan jabatan bergegas ke lokasi untuk membuat pemeriksaan dan penyu itu dipercayai sudah beberapa hari mati di tengah laut dan dihanyutkan ombak ke pesisiran pantai.

"Pemeriksaan mendapati tiada sebarang kesan cedera pada penyu berkenaan dan kita tidak pasti punca kematiannya," katanya kepada *Sinar Harian.*

Menurutnya, reptilia marin terancam itu wujud dalam populasi yang sedikit di Negeri Sembilan.

Sehubungan itu katanya, orang ramai diingatkan supaya prihatin dengan tidak mengganggu penyu itu terutama jika menemuinya sedang naik ke pantai untuk bertelur termasuk tidak mengambil telurnya.

"Kita berharap orang ramai yang menjumpai penyu mati atau cedera untuk hubungi talian 06-647 2050/ 06-662 1089 atau menghantar mesej di Facebook Jabatan Perikanan Negeri Sembilan untuk tindakan," katanya.

FOTO: JABATAN PERIKANAN NEGERI SEMBILAN



**Penyu jantan berusia lebih 40 tahun ditemui mati di pantai Teluk Kemang, Port Dickson pagi semalam.**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Turtle found dead on beach in PD | | |
| MediaTitle | New Straits Times | | |
| Date | 12 Mar 2020 | Color | Full Color |
| Section | Local News | Circulation | 36,278 |
| Page No | 11 | Readership | 108,834 |
| Language | English | ArticleSize | 169 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,826 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,477 |



# Turtle found dead on beach in PD

**SEREMBAN:** A 100kg sea turtle (*penyu agar*) was found dead on Teluk Kemang beach, Port Dickson, near here, on Tuesday.

Negri Sembilan Fisheries Department director Halimi Abu Hanip said the carcass of the male turtle, believed to be 40 years old, was found by the public about 5pm before alerting the department.

"Further examination revealed there was no trace of injury on the body.

"The turtle was believed to have died in the sea a few days ago and was swept to the beach by the tide," he said here yesterday.

Halimi urged anyone who discovered dead or injured turtles to contact the Fisheries Department at 06-6472050 or 06-6621089, or send a message to the Negri Sembilan Fisheries Facebook account.

"The endangered marine reptiles exist in small populations in Negri Sembilan. The public is therefore advised not to disturb the turtles, especially if they appear on the beach to lay eggs.

"We also advise people not to poach these eggs. The offence is punishable under the Negri Sembilan (Turtles and Turtle Eggs) Rules 1976 and the Fisheries Act 1985, which carries a maximum fine of RM20,000, or a maximum jail term of two years, or both."



*People moving the carcass of a green sea turtle on Teluk Kemang Beach in Port Dickson on Tuesday.* BERNAMA PIC

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/3/2020 | THE STAR | NATION | 14 |

# 100kg turtle found dead in Teluk Kemang

**SEREMBAN:** A 100kg green sea turtle was found dead on Teluk Kemang beach, Port Dickson.

Negri Sembilan Fisheries Department director Halimi Abu Hanip said the carcass of a male turtle, believed to be 40 years old, was found by the public at about 5pm on Tuesday.

"Further examination revealed no trace of injury on the body.

"The turtle is believed to have died in the sea and was swept to the beach by the tide," he said.

Halimi also urged anyone who came across dead or injured turtles to contact the Fisheries Department at 06-647 2050 or 06-662 1089, or send a message to the Negri Sembilan Fisheries Facebook account.

"This endangered marine reptile population is dwindling in Negri Sembilan.

"The public is therefore advised not to disturb the turtles, especially if they are on the beach to lay eggs.

"And don't poach their eggs.

"The offence is punishable by a maximum fine of RM20,000 or a maximum jail term of two years or both under the Negri Sembilan (Turtles and Turtle Eggs) Rules 1976 and the Fisheries Act," he added. — Bernama



**Dwindling numbers:** The carcass of the 100kg turtle found on Teluk Kemang beach in Port Dickson. — Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bisnes Petai Jeruk, Penuhi Permintaan 40 Kedai Sekitar Pahang | | |
| MediaTitle | Rasa | | |
| Date | 12 Mar 2020 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 80,000 |
| Page No | 110,111 | Readership | 240,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1098 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,236 |
| Frequency | Monthly | PR Value | RM 21,708 |









Menambah selera makan

# Bisnes Petai Jeruk,

## Penuhi Permintaan 40 Kedai Sekitar Pahang

BUNYI MACAM KURANG POPULAR TAPI SESUNGGUHNYA PERMINTAAN PETAI JERUK SANGAT LUAS. ULAM YANG BERBAU INI WALAUPUN ADA YANG TIDAK SUKA, NAMUN HARGA PETAI SEMAKIN LAMA SEMAKIN MAHAL. DIJUAL DI PASAR TRADISIONAL HINGGALAH DI PASAR RAYA, PETAI TETAP ADA PEMINATNYA.

**TEKS:** SITI MARIAM ELIAS

Berbicara dengan usahawan petai jeruk, Nur Zehan Mohd Zaidin @ Mohd Saidin, ternyata perniagaannya kini semakin mendapat tempat. Malah kini produk Petai Jeruk Lempera bakal mendapat sijil halal tidak lama lagi.

"Alhamdulillah Petai Jeruk Lempera sudah pun lima tahun di pasaran. Dalam masa dua tahun pula, produk ni dah masuk pasar raya PDM dan pasar raya Smart. Permintaan sentiasa ada dan ini membuatkan petai jeruk keluaran saya bertahan sampai sekarang," ujar Nur Zehan.

### TAMBAH ILMU DAN LUASKAN NETWORKING

Ingin mengorak lebih tinggi, Nur Zehan mewajibkan dirinya sentiasa menambah ilmu bisnes. Banyak sebenarnya ruang untuk mengikuti kursus sama ada secara percuma mahupun berbayar. Seperti wanita berusia 40 tahun ini, dia kerap ikuti kursus di bawah kendalian agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Bagi Nur Zehan, seorang usahawan perlu sentiasa menambah ilmu dan peka dengan situasi dunia bisnes yang sentiasa ada turun naiknya.

"Saya selalu pergi kursus. Belajar dan menambah maklumat terkini daripada pegawai yang memberikan ilmu. Bagi saya, kita kena rebut peluang sebab dunia keusahawanan ini sentiasa berubah. Lagipun, orang bisnes kena luaskan networking. Dalam kursus ini saya jumpa ramai orang dan networking pun semakin luas," katanya lagi.



### PRODUK DISUKAI RAMAI

Dengan gabungan garam, asam keping dan cuka pengawet, Nur Zehan boleh menghasilkan produk petai jeruk yang lebih tahan lama. Mempunyai seramai lima orang pekerja, wanita ini bakal mempunyai bengkel yang lebih



Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bisnes Petai Jeruk, Penuhi Permintaan 40 Kedai Sekitar Pahang | | |
| MediaTitle | Rasa | | |
| Date | 12 Mar 2020 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 80,000 |
| Page No | 110,111 | Readership | 240,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1098 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,236 |
| Frequency | Monthly | PR Value | RM 21,708 |


Ingin bawa bisnes petai ke arah lebih maju.



***"Alhamdulillah Petai Jeruk Lempera sudah pun lima tahun di pasaran. Dalam masa dua tahun pula, produk ni dah masuk pasar raya PDM dan pasar raya Smart. Permintaan sentiasa ada dan ini membuatkan petai jeruk keluaran saya bertahan sampai sekarang,"***


Menampal stiker secara manual.


Sedia untuk dibotolkan.

luas untuk menghasilkan produk dalam kuantiti lebih banyak.

"Produk ini pun bakal mendapat sijil halal kerana prosesnya sudah semakin selesai. Selain itu, saya juga dalam usaha menyelesaikan proses MyIPO. Tahun ini saya perlu siapkan lebih banyak stok petai jeruk untuk menampung permintaan sekitar Kuantan. Saya perlu penuhi permintaan lebih 40 kedai termasuklah pasar raya, kedai makan, kedai santan dan kedai ikan basah," ceritanya lagi yang mendapatkan stok petai dari Batu Mengkebang, Kuala Krai dan diproses di Kampung Sri Damai, Kuantan, Pahang.

## RESIPI ARWAH DATUK

Menceritakan resipi asal petai jeruk ini, Nur Zehan mengatakan resipi asalnya adalah daripada arwah datuknya yang dikenali sebagai Tokki.

"Dulu arwah Tokki selalu buat petai jeruk dan disimpan di dapur. Saya dapat idea untuk membuat petai jeruk ikut resipi Tokki. Lagipun masa tu saya fikir apa produk makanan yang tahan lama untuk dijual. Saya tak mahu produk yang tak tahan lama misalnya sayur. Kalau sayur rosak, tak boleh jual, kena buang. Jadi saya dapat ilham, jual petai jeruk. Inilah hasilnya," ceritanya lagi.

Dijual dengan harga RM13 sebotol, nyata Petai Jeruk Lempera semakin menyengat dan menambah selera makan. Malah, Nur Zehan juga turut membuka ruang untuk orang ramai menjadi ejennya demi menambah pendapatan.



Powered by: isentia